



PEJABAT PERDANA MENTERI
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia
No. Tel: 03-8886 6221
E-mel: infomitra.mitra.gov.my

MITRA.100-9/1/1 (8)

KENYATAAN MEDIA
MAJLIS LIBAT URUS PERMOHONAN GERAN PROGRAM PEMBANGUNAN
SOSIOEKONOMI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA (PPSMI) TAHUN 2025

KUALA LUMPUR, 5 OKOTBER 2024 – Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Pejabat Perdana Menteri akan membuka permohonan geran Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (PPSMI) Tahun 2025 pada 15 Oktober 2024 jam 2.30 petang untuk tempoh selama 31 hari sehingga 14 November 2024 jam 5.00 petang.

Permohonan Geran Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India Tahun 2025

2. Permohonan geran PPSMI yang bakal dibuka ini adalah untuk pelaksanaan program dan menggunakan peruntukan pada tahun 2025. Ini merupakan kali pertama MITRA membuka permohonan geran lebih awal dan supaya dapat membelanjakan peruntukan pada suku pertama 2025.
3. Untuk menjayakan proses tersebut, MITRA telah mengadakan majlis libat urus yang telah dihadiri seramai 870 orang merangkumi Badan Bukan Kerajaan (NGO)/Syarikat/lain-lain di beberapa zon negeri iaitu:
 - i. Zon Pulau Pinang/Kedah pada 21 September 2024, Sabtu;
 - ii. Zon Perak pada 22 September 2024, Ahad;
 - iii. Zon Johor pada 27 September 2024, Jumaat;
 - iv. Zon Melaka pada 28 September 2024, Sabtu;
 - v. Zon Negeri Sembilan pada 29 September 2024, Ahad; dan
 - vi. Zon Kuala Lumpur/Selangor/Pahang pada 5 Oktober 2024.
4. Tujuan majlis libat urus ini dibuat untuk memberikan taklimat berhubung panduan permohonan geran dan kaedah mengemukakan permohonan melalui Sistem Permohonan Geran Kewangan MITRA (SPGKM).

5. Sesi dialog antara YB Tuan Parameswaran a/l M Parameswaran, Pengerusi Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas MITRA merangkap Ahli Parlimen Batu dan YBr. Tuan Prabakaran Ganapathy, Ketua Pengarah MITRA bersama dengan peserta pada majlis tersebut juga telah diadakan bagi mendapatkan pandangan dan input berhubung permohonan geran PPSMI.
6. Majlis ini juga turut disertai oleh Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berbangsa India mewakili setiap negeri untuk memeriahkan majlis tersebut.
7. Dalam majlis tersebut juga, MITRA telah membuat beberapa penambahbaikan dari segi syarat sebagai contoh hanya Organisasi yang aktif dan berpengalaman dalam bidang sosioekonomi sekurang-kurang satu (1) tahun sahaja yang boleh memohon geran PPSMI ini. MITRA akan memaparkan garis panduan yang lengkap dan manual permohonan SPGKM dalam laman web MITRA pada hari permohonan dibuka.

Pelantikan Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Negeri

8. Pengerusi JPPK MITRA telah melantik sembilan (9) Penyelaras JPPK MITRA Negeri iaitu:
 - i. Penyelaras JPPK MITRA Negeri Sembilan;
YB Tuan Arul Kumar Jambunathan
Pengerusi Jawatankuasa bertindak pembangunan kerajaan
Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan
 - ii. Penyelaras JPPK MITRA Pulau Pinang:
YB Tuan Calvin Kumaran Krishnan
ADUN Bagan Dalam
 - iii. Penyelaras JPPK MITRA Perak:
YB Puan Thulsi Manogaran
ADUN Buntong
 - iv. Penyelaras JPPK MITRA Johor:
YBr. Tuan Subramani a/l Chami
 - v. Penyelaras JPPK MITRA Selangor:
YB Tuan Dr. Gunarajah a/l R George
ADUN Sentosa
 - vi. Penyelaras JPPK MITRA Kedah/Perlis:
YBr. Tuan Poobalan a/l Subramaniam

- vii. Penyelaras JPPK MITRA Melaka:
YBrs. Tuan Saminathan a/l Ganesan
 - viii. Penyelaras JPPK MITRA Kuala Lumpur:
YBrs. Tuan Jayakumaran R Muniandy
Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur
 - ix. Penyelaras JPPK MITRA Pahang/Terengganu/Kelantan:
YBrs. Tuan Maheswaran Ramachandran
9. Penubuhan JPPK MITRA Negeri ini akan membantu dan menasihati JPPK MITRA diperingkat pusat dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat India. Ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan Malaysia MADANI di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri yang sentiasa memikirkan kebajikan masyarakat India.

-TAMAT-

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
5 OKTOBER 2024**